



Persatuan Karyawan Malaysia

No F-18-5-1 Jalan Semarak Api 3
Diamond Square Commercial Centre
Off Jalan Gombak 53000 KL
Tel: 0122071400

Butiran Mengenai Majlis Makan Malam Legends

Merujuk perkara di atas, Persatuan Karyawan Malaysia iaitu sebuah organisasi yang mewakili para penggiat seni tempatan akan menganjurkan satu majlis makan malam amal yang bertujuan untuk mengumpul dana bagi tabung Persatuan .

Hasil kutipan ini bakal digunakan untuk membiayai beberapa perkara seperti membantu para penggiat seni veteran yang berada didalam keadaan uzur dan juga yang hilang upaya.

Berikut adalah butiran bagi perkara yang bakal dilaksanakan :-

Tarikh: Ahad 2 Jun 2024

Masa: 8.00-11.00 Malam

Tempat: Dewan Perdana Felda, Jalan Maktab, Kuala Lumpur 54000

Artis: DATUK KHATIJAH IBRAHIM

DATUK RAMLI SARIP

DATUK AWIE (WINGS)

RAHIMAH RAHIM

Program makan malam ini akan mengenengahkan empat artis legenda tanahair. Persembahan berformat revival ini akan menampilkan persembahan empat bintang legenda yang telah membina industri seni tanahair selama ini.

Bakal diiringi oleh pemuzik berbakat dari ASWARA dibawah kelolaan Profesor Ramlan Imam.

Dengan demikian kami amat berharap untuk mendapat sokongan dari individu atau syarikat yang berminat untuk sama-sama menjayaan majlis gilang gemilang yang bakal diadakan melalui format pembelian meja tajaan sebagaimana berikut :-

1. **Penaja Meja Berlian - RM 100,000**
2. **Penaja Meja Platinum - RM 50,000**
3. **Penaja Meja Emas - RM 10,000**
4. **Penaja Meja Perak - RM 5,000**
5. **Meja Biasa – RM 3,000, RM 2,000**

Bagi pihak yang berminat, bolehlah membuat tempahan dengan menghubungi talian Dato' Freddie Fernandez di talian 012-2071400 emel fredez2009@gmail.com atau Ahmad Abdullah 014-7176276) emel nurahamad@gmail.com).

Pembayaran adalah melalui online transfer di atas nama **Persatuan Karyawan Malaysia** nombor akaun **3108024130** Public Bank Berhad, Cawangan PJ New Town.

Sebarang sokongan dari anda adalah satu rahmat yang tidak terhingga kepada kami.

Yang benar



Dato ' Freddie Fernandez
Presiden
Persatuan Karyawan Malaysia

Profil Persatuan Karyawan Malaysia

Persatuan Karyawan Malaysia atau lebih dikenali sebagai KARYAWAN telah didaftar dengan rasminya pada tahun 2000 selaku sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang memperjuangkan pelbagai nasib para penggiat seni tanahair. Ia ditubuhkan atas daya usaha Presiden KARYAWAN sekarang, Freddie Fernandez dan rakan-rakannya yang lain setelah melihat berbagai masalah dan kemelut yang menyelubungi industri hiburan dan seni tanahair.

Ini termasuk masalah cetak rompak album, VCD, penguasaan artis luar serta ketiadaan satu persatuan ketika itu yang berfungsi menyatukan para karyawan seni di bawah satu wadah yang kukuh untuk memperjuangkan nasib mereka.

Seterusnya di atas hasil usaha Freddie Fernandez, persatuan ini telah menjalankan berbagai usaha dan senantiasa turun naik ke kementerian-kementerian yang berkenaan untuk menangani hal-hal berkaitan dengan artis dan industri hiburan tanahair.

KARYAWAN yang kini dianggotai oleh lebih 7,000 orang ahli dari kalangan artis, pekerja industri hiburan, dan sebagainya dapat menjadi salah satu payung bagi insan seni berteduh.

Kini KARYAWAN giat menjalankan aktiviti kebajikan seperti mengumpul dana untuk membiayai bantuan kepada artis veteran yang hilang upaya yang memerlukan bantuan. Usaha murni yang tidak putus-putus saban hari ini menjadikan Karyawan sebagai sebuah persatuan yang paling aktif kini didalam membantu para pengkarya tempatan

Misi dan Objektif

Penubuhan Persatuan Karyawan Malaysia ialah didasari dengan beberapa hasrat untuk mencari penyelesaian beberapa masalah yang dihadapi oleh industri hiburan tanahair. Antaranya :-

- Kekurangan saluran rasmi di peringkat kerajaan
- Masalah tiada peluang pekerjaan bagi ahli muzik, penyanyi dan pelakon.
- Kurangnya aktiviti mencungkil bakat-bakat baru.
- Ketiadaan perancangan kewangan jangka panjang seperti EPF.
- Ketiadaan perkhidmatan menjaga kebajikan khusus untuk para penggiat seni
- Kekurangan latihan profesional dan pembelajaran.
- Kekurangan perlindungan hak artis.

Struktur Organisasi

Persatuan Karyawan Malaysia kini ditunjangi oleh beberapa individu daripada pelbagai disiplin seni yang mewakili pelbagai bidang berkaitan yang mana pelantikan mereka adalah hasil pemilihan yang diadakan dikalangan ahli. Berikut adalah senarai para ahli jawatankuasa bagi sesi yang terkini.

Pimpinan Karyawan

Presiden

Dato' Freddie Fernandez

Timbalan Presiden

Radhi Khalid

Bendahari

Kamal Kassim

Setiausaha Agung

Rozita Rohaizad

Pengerusi Kehormat

Dato Sarimah Ahmad

Barisan Ahli Jawatankuasa

Datuk Khatijah Ibrahim

Datuk S. Atan

Norshila Amin

Ezlynn

Helmi Gimmick

Jude Singho

Don Guerzo

Haniah Hassan


Zainal Abu Bakar

Biro Guaman

Aizul Rohan

Pengurus Besar Karyawan

Ahmad Abdullah



MALAYSIA

AKTA PERTUBUHAN 1966
PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984

BORANG 3
(Peraturan 5)

PERAKUAN PENDAFTARAN

Adalah dengan ini diperakui bahawa.....

PERSATUAN KARYAWAN MALAYSIA.

Unit 706 Block B, Pusat Dagangan Phileo Damansara 1,

No.9, Jalan 16/11 off Jalan Damansara, 46350 Petaling Jaya.

telah pada hari ini didaftarkan sebagai suatu pertubuhan di bawah seksyen 7
Akta Pertubuhan 1966 dan bahawa nombor pendaftarannya ialah.....

178

Diperbuat dengan ditandatangani oleh saya pada.....1.....haribulan

Mac.....19XX 2000



SALINAN DIAKUI SAH

MOHD YUNUS JAMIL
Penolong Pendaftar Pertubuhan
Selangor

29/1/05

(MOHIYADDIN BIN CHE' JAN)
Pendaftar Pertubuhan,
Malaysia